

01 OCT 1997

Mahathir-Cek (Bergambar)

PERDANA MENTERI BERTEMU PEMIMPIN MASYARAKAT ISLAM CHILE

Oleh: K.C.Leong

SANTIAGO, 1 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mengadakan pertemuan dengan para pemimpin masyarakat Islam Chile semasa lawatan singkat beliau ke Kedutaan Malaysia di sini.

Beliau menyampaikan sekeping cek berjumlah empat juta pesos (kira-kira RM32,000) kepada Taufick Rumie, Presiden Persatuan Islam Chile, bagi membaiki masjid Santiago yang telah dirasmikan oleh Yang di-Pertuan Agong semasa lawatan negaranya ke Chile pada 1995. Cek itu sumbangan kerajaan Malaysia.

Perdana Menteri sedang dalam rangka lawatan rasmi tiga hari ke Chile yang mempunyai kira-kira 4,000 penduduk Islam. Terdapat kira-kira 300 keluarga Islam yang tinggal di Santiago.

Menteri Besar Terengganu Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad yang fasih berbahasa Arab memberikan khidmat sebagai "jurubahasa kehormat" kepada Dr Mahathir semasa Perdana Menteri mengadakan perbincangan dengan para pegawai Persatuan Islam itu.

Dr Mahathir juga menghadiri jamuan teh bersama-sama Duta Malaysia Cik Lily Zachariah dan para pegawai serta kakitangan kedutaan itu yang terletak di bangunan Edificio Malaysia, yang dimiliki oleh Malaysia South-South Corporation Berhad (MASSCORP).

Beliau turut melawat pejabat wakil Kumpulan Guthrie Bhd yang juga terletak di bangunan yang sama dan telah diberi taklimat mengenai operasi syarikat itu di Chile oleh Pengarah Eksekutif Guthrie Ghazali Awang.

Pagi ini, Dr Mahathir melawat gerai Proton Berhad yang sedang mempamerkan model kereta Putra dalam satu pameran perdagangan yang diadakan sempena Mesyuarat Agung Majlis Kerjasama Ekonomi Pasifik (PECC) ke-12 di sini.

Perdana Menteri merupakan pengucap utama pada mesyuarat yang dirasmikan oleh Presiden Chile Eduardo Frei itu.

Proton, yang memasuki pasaran Chile pada 1994 berharap dapat meningkatkan jumlah jualan daripada 70 unit sebulan kepada kira-kira 100 unit sebulan menerusi pengenalan model Putra dan Wira 1.3 liter.

Kini negara ini hanya mengimport kereta Wira 1.5 dan 1.6 liter yang dipasang siap ke sini. -- BERNAMA

KCL AAM RHM